

## Malam Anugerah Kewartawanan UniSZA

**KUALA TERENGGANU 3 Feb.** - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) buat pertama kalinya akan meraikan pihak media dalam suasana berbeza, dengan menganjurkan Malam Anugerah Kewartawanan UniSZA pada 11 Februari ini.

Program yang dirintis melalui Unit Komunikasi Korporat dan Antarabangsa (UKKA) itu akan dijadikan satu tradisi tahunan, bertujuan memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pengamal media di dalam dan luar negeri ini yang telah membantu memperkenalkan dan mendekatkan lagi institusi itu kepada umum.

Dalam masa sama, liputan media cetak dan elektronik tentang pelbagai kegiatan kampus termasuk pencapaian pelajar dan kejayaan warga akademiknya tel-

ah turut menaikkan imej UNiSZA yang sedang dipacu untuk berada dalam kelompok universiti ternama di rantau ini.

Sebanyak sembilan kategori anugerah disediakan termasuk Anugerah Khas Media Naib Canselor (wartawan, jurufoto); Anugerah Liputan Berita akbar dan Televisyen Terbanyak; Anugerah Liputan Berita Terbanyak; Anugerah Penulisan Berita, Foto dan Laporan Televisyen Terbaik di samping Anugerah Penghargaan Media.

Pengarah unit itu, Prof. Madya Dr. Ahmad Azrin Adnan memberitahu, majlis yang bakal diadakan itu diharap dapat merapatkan lagi hubungan dengan pihak media agar terus bekerjasama membantu mencorakkan masa depan UniSZA

sebagai institusi yang memberikan khidmat kepada masyarakat melalui tradisi keilmuan dan kepakaran.

"Ini salah satu suatu tanda terima kasih kami kepada pihak media yang turut membantu meletakkan Unisza pada landasan yang kukuh dan mampu menarik dan meningkatkan keyakinan umum.

"Kerjasama yang diberikan sejak 2013 amat membanggakan kami yang membolehkan unit ini turut mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan," ujarnya.

Katanya, setelah Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim dilantik sebagai sebagai Naib Canselor mulai 1 Januari 2013 beliau menekankan corak pengurusan mesra dan efektif.